

1977

KUALA LUMPUR, 7 NOV. (BERNAMA) — KERAJAAN TIDAK BERCADANG UNTUK MEMBENARKAN PEGAWAI-PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM BERPENCEN SETELAH GENAP PERKHIDMATAN SELAMA 25 TAHUN BAGI MEMASUKI BIDANG SWASTA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU MENJAWAB PERTANYAAN TENGKU NOOR ASIAH (BN-TUMPAT) YANG MENANYAKAN SAMADA KERAJAAN AKAN MEMBUAT KELONGGARAN KEPADA CERDIK PANDAI MELAYU APABILA GENAP PERKHIDMATANNYA SELAMA 25 TAHUN, SAMADA UMURNYA GENAP 50 TAHUN ATAU BELUM, DIBENARKAN MEMOHON BERSARA BAGI MENCEBUR DIRI DALAM PERNIAGAAN.

TENGKU NOOR ASIAH MENDAKWA JIKA KERAJAAN TIDAK BERBUAT DEMIKIAN MATLAMAT 30 PERATUS PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM BIDANG EKONOMI TIDAK AKAN DICAPAI MEMANDANGKAN BUMIPUTERA TERBAWAH SEKALI UNTUK MENGEJAR PERSAINGAN DAN MUSTAHIL SEKALI DAPAT DIKEJAR MEMANDANGKAN RAMAINYA CERDIK PANDAI MELAYU DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN. 197

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BELIAU YAKIN MATLAMAT TERSEBUT AKAN TERCAPAI MEMANDANGKAN RAMAI BUMIPUTERA YANG TERLATIH DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN DAN LUAR NEGERI YANG BOLEH MASUK TERUS KE SEKTOR SWASTA.

BELIAU BIMBANG JIKA KERAJAAN MENJALANKAN CADANGAN ITU DAN MEMBERIKAN PENCEN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI SETELAH BERKHIDMAT SELAMA 25 TAHUN, PERLAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA DAN DASAR EKONOMI BAHRU AKAN TERJEJAS KERANA KEKURANGAN PEGAWAI-PEGAWAI PENTADBIRAN YANG CEKAP. -BERNAMA 1635/MM